

## 'Jaga rumah dengan baik, jangan jual' - Agong

BERNAMA



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (kiri) menyantuni Abdul Aziz Mat Sohor, 62, selepas berkenan mengurniakan kunci rumah serta meninjau rumahnya yang siap dibina di Sungai Sia, Mukim Batu Talam, hari ini. FOTO BERNAMA

Raub: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyerahkan kunci rumah kurniaan Yayasan Al-Sultan Abdullah (YASA) di Raub, hari ini.

Keberangkatan baginda diiringi anakanda Pemangku Raja Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah.

Semasa kunjungan berkenaan, Seri Paduka berkenan menyerahkan kunci rumah kepada empat pemilik kediaman masing-masing di Kampung Lechar, Kampung Temau, Kampung Sungai Sia dan Kampung Ulu Sungai, yang mengalami kerosakan teruk ketika banjir buruk melanda Pahang pada penghujung tahun lalu dan awal tahun ini.

Baginda ketika bertitah mengingatkan agar pemilik tidak menjual rumah mereka dan menjaganya dengan baik.

"Sedih saya kalau ini berlaku, kita akan buat satu prasyarat mesti dapat kebenaran daripada pegawai daerah... bukan hendak menyusahkan dan memperketatkan tapi hendak jaga kepentingan tuan tanah.

"Kalau ikut dari segi hutang, tidak ada hutang sebab semua dibiayai... tinggal di rumah ini jaga anak dan mak ayah," titah baginda.

Terdahulu, Al-Sultan Abdullah mendengar sembah taklimat daripada Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pahang Datuk Hafizah Zakaria yang memaklumkan kesemua rumah berkeluasan 960 kaki persegi (89.1 meter persegi) itu disiapkan dalam tempoh enam bulan dan mempunyai tiga bilik, dua bilik air selain dilengkapi ruang makan serta perabot.

Baginda turut meluangkan masa beramah mesra dengan penerima kediaman itu dan mengurniakan sumbangan selain meninjau rumah setingkat berkenaan.

Bagi Azrul Hisham Abd Aziz, 30, yang menetap di Kampung Sungai Sia, sama sekali tidak menjangkakan mereka sekeluarga akan menerima kediaman baharu yang sangat selesa selepas rumah sebelum ini musnah sepenuhnya ketika banjir awal tahun ini.

Katanya, dia bersama bapanya Abd Aziz Md Shor, 62, dan ibu Minah Mat, 52, serta adik Siti Rozaimah, 24, hanya menumpang di rumah ibu saudara sejak kehilangan tempat tinggal.

"Kami hanya tumpang berteduh di rumah mak cik yang terletak di belakang tapak rumah sekarang, Alhamdulillah kini kami dapat pindah masuk ke rumah baharu yang hanya ambil masa beberapa bulan untuk disiapkan.

"Bukan senang hendak dapat rumah begini sempurna lengkap serba serbi termasuk perabot. Junjung kasih di atas keprihatinan dan kurniaan baginda kepada kami sekeluarga, kurniaan ini sangat besar buat kami," katanya.

Warga emas, Ab Holik Hasan, 60, menganggap diri dan keluarga sebagai 'insan terpilih' apabila menerima kurniaan rumah baharu itu.

"Memang tidak sangka langsung kami akan menerima tempat tinggal baharu selepas rumah sebelum ini ditenggelami air, yang menyebabkan saya dan keluarga terpaksa tinggal di pondok sementara di belakang tapak rumah ini," katanya.

**Disiarkan pada: Mei 13, 2022 @ 3:51pm**